

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

**Peperiksaan Semester Pertama**

**Sidang Akademik 1999/2000**

**September 1999**

**HKA 101/NSK 001 - Pengantar Kesusasteraan**

**Masa: [3 jam]**

---

**KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNGI SEMBILAN [ 9 ] SOALAN DI DALAM LIMA [ 5 ] HALAMAN.**

Jawab **EMPAT [ 4 ]** soalan sahaja, iaitu **SATU [1]** soalan daripada tiap-tiap Bahagian A, B, C dan D

**SEMUA** soalan membawa nilai markah yang sama

**BAHAGIAN A**

1. Sebuah karya kesusasteraan merupakan satu binaan yang mempunyai bahagian-bahagian yang berfungsi dan saling berhubungan di antara satu sama lain, manakala bahasa adalah alat utamanya. Dengan contoh-contoh yang jelas bincangkan pernyataan di atas.
2. M.A. Abrams dalam tulisannya "Orientation of Critical Theories" merumuskan bahawa keseluruhan perbincangan mengenai teori-teori kesusasteraan boleh dikelompokkan kepada empat jenis teori. Bincangkan bagaimana rumusan ini dibuat dan kemudian huraikan setiap satu daripada jenis teori tersebut.

**BAHAGIAN B**

3. Pilih salah satu daripada sajak-sajak yang dilampirkan dan buat satu analisis yang menyeluruh mengenainya..
4. Apakah yang anda fahamkan dengan kritikan semiotika? Pilih salah satu daripada sajak-sajak yang dilampirkan dan buat satu analisis sajak berkenaan berdasarkan pendekatan ini.

**BAHAGIAN C**

5. Kekuatan cerpen "Mereka Tidak Mengerti" oleh Keris Mas terletak pada pengolahan yang rapi terhadap watak Bill dan pada kekuatan bahasa pengarangnya. Bincangkan tentang kebenaran pernyataan di atas.
6. Perbandingan di antara *ladang* dan *isteri* di dalam cerpen "Lelaki dan Ladangnya" oleh Yusuf Sharouni boleh dianggap tepat, tetapi ia bukanlah satu-satunya faktor yang menjayakan cerpen ini. Bincangkan.

**BAHAGIAN D**

7. Novel *Suami* oleh Ali Jusoh memperlihatkan beberapa unsur tekanan jiwa kesan daripada perhubungan suami isteri yang tidak normal. Huraikan bagaimana pengarang berjaya menggarapkan unsur-unsur ini secara berperingkat-peringkat hingga melahirkan kesan akhir yang meyakinkan.
8. Kecintaan Encik Kobayashi terhadap kanak-kanak dan kecenderungannya terhadap pengajaran adalah lebih kuat daripada lidah api yang sekarang sedang menjilat hangus sekolah itu. Guru Besar masih kelihatan riang.

(TOTTO-CHAN *Gadis Kecil di Jendela*.)

Bincangkan keistimewaan petikan di atas dalam konteks novel *Tetsuko Kuroyanagi*.

9. Kuasa membawa pengertian dan tindakan yang berbeza bagi dua pemimpin dalam *Sirih Bertepuk Pinang Menari*. Bincangkan bagaimana Noordin Hassan menyedarkan khalayak tentang kerumitan masalah kuasa dan kepimpinan.

**LAMPIRAN**

**SUNGAI KELANG**

ia merangkak  
dengan lidah terjulur  
di tengah kota  
dengan dada penuh nanah

(ia telah lupa bagaimana  
sungai bisa menari  
dan menyanyi  
dengan rambut terbuka  
atau menggeliat dan melambai  
di tengahari  
dengan hati terbuka  
sambil tersenyum)  
O bunda sungai  
dari kota peraja  
siapakah yang meratapmu  
kalau tidak hujan  
yang membawa segala  
kotoran meringat daki  
dari hari dan matahari

ia tetap merangkak  
dalam kesunyiannya  
dan menerima segala  
sisa kota dan manusia  
tapi cintanya pada bumi  
tidak mau terbagi  
walau kota ini nanti  
tiada berpenghuni  
dan di atas dadanya  
tersusun tulang tengkorak  
ia tetap merangkak  
dan merangkak

(latiff mohidin)

### **TOPENG-TOPENG**

ini dunia menjadi rumah segala peristiwa  
topeng-topeng menari dari bayang ke bayang  
“dan kita usah bimbang  
subuh pasti datang menyerahkan segumpal cahaya  
penyelesaian dan kemenangan  
hidup kita akan lega.”

ini dunia menjadi rumah topeng-topeng  
Dewi Pemurah dan Dewa Penyelamat  
bagi mereka yang gentar keberanian  
bagi mereka yang gagal berikhtiar  
bagi mereka yang besar berdoa  
berkacalah dengan topeng  
dari bayang ke bayang

ini dunia menjadi rumah segala mimpi  
dalam gendang perang nanti malam  
akulah Rawana dengan topeng Hanuman  
sebelum tiba subuh yang mereka harapkan  
Rama roboh dengan satu panggilan  
demi Sita lambang segala kejujuran  
berbicaralah kau kebenaran  
dimuka penonton sekian lama dibodohkan

di sekitarku peristiwa  
di sekitarku topeng  
di sekitarku mereka  
ini aku  
wajah telanjang  
di muka  
kekonyolan.

(baha zain)

## CINTA

Karena cinta duri menjadi mawar  
Karena cinta cuka menjelma anggur segar  
Karena cinta pentungan jadi mahkota penawar  
Karena cinta kemalangan menjelma keberuntungan  
Karena cinta rumah penjara tampak bagaikan kedai mawar  
Karena cinta tumpukan debu kelihatan sebagai taman  
Karena cinta api yang berkobar-kobar jadi cahaya yang menyenangkan  
Karena cinta Setan berubah menjadi Bidadari  
Karena cinta batu yang keras menjadi lembut bagai mentega  
Karena cinta duka menjadi riang gembira  
Karena cinta hantu berubah jadi malaikat  
Karena cinta singa tak menakutkan seperti tikus  
Karena cinta sakit jadi sehat  
Karena cinta amarah berubah menjadi keramah-tamahan

**Jalaluddin Rumi (terjemahan)**